



15 APR, 2025

## Perjanjian jual, beli tenaga hidroelektrik di Sabah

Berita Harian, Malaysia



# Perjanjian jual, beli tenaga hidroelektrik di Sabah

Jentayu Sustainables Bhd, melalui anak syarikatnya yang dimiliki 70 peratus, Oriole Hydro Padas Sdn Bhd (OHP), menandatangani perjanjian pembelian tenaga (PPA) dengan Sabah Electricity Sdn Bhd untuk projek hidroelektrik di Sipitang, Sabah.

Menurut Jentayu dalam makluman kepada Bursa Malaysia semalam, projek itu, yang terletak di Hulu Sungai Padas, akan terdiri daripada dua kemudahan hidroelektrik dengan gabungan kapasiti bersih sebanyak 162 megawatt.

Operasi komersial dijadualkan bermula pada 1 Jun 2029.

OHP ialah syarikat tujuan khas yang dimiliki oleh anak syarikat Jentayu Sustainables (70 peratus), anak syarikat Sabah Electricity (20 peratus) dan anak syarikat Yayasan Sabah (10 peratus).

"PPA menentukan kewajipan pihak berkenaan untuk menjual dan membeli tenaga yang dijanai oleh kemudahan itu selama 40 tahun dari tarikh operasi komersial," katanya.

Di bawah perjanjian itu, OHP akan mereka bentuk, membina, menguji, mengoperasikan, memiliki, mengendalikan dan menyelenggara skim hidroelektrik di bawah model bina-miliki-operasi-pindah (BOOT).

Menurut Jentayu Sustainables, projek itu dijangka tidak memberi impak ketara kepada pendapatan kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2025 tetapi menyumbang secara positif apabila beroperasi.

Sementara itu, Jentayu Sustainables dalam satu kenyataan berasingan berkata, perjanjian itu membabitkan pelaburan RM2.8 bilion.

Syarikat tenaga boleh diperbaharui itu berkata, projek mercu tanda itu yang merupakan pelaburan langsung domestik swasta, mewakili salah satu inisiatif tenaga boleh diperbaharui terbesar di Sabah setakat ini.

BERNAMA